

ISKW tidak bertindih Majlis Fatwa Kebangsaan

PUTRAJAYA 11 Jun - Institut Strategik Kajian Wasatiyyah (ISKW) yang dicadangkan penubuhannya tidak lama lagi tidak akan bertindih peranannya dengan Majlis Fatwa Kebangsaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, institut itu hanya bertanggungjawab dari sudut menyebarkan kefahaman mengenai konsep wasatiyyah (kesederhanaan), manakala Majlis Fatwa Kebangsaan pula lebih kepada soal hukum agama Islam.

"Institut ini juga akan berperanan memberi penerangan dan menerapkan konsep itu bukan sahaja kepada umat Islam, malah penga-

nut agama lain juga.

"Ia akan menerangkan bahawa konsep wasatiyyah bukan bermaksud kita meninggalkan dunia untuk mengejar akhirat, sebaliknya perlu ada keseimbangan antara kedua-duanya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penutup Konvensyen Wasatiyyah Sempena Satu Milenium Islam di Nusantara anjuran Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Pertubuhan Nadi Dialog Malaysia (Nadi) di sini hari ini.

Penubuhan Institut Strategik Kajian Wasatiyyah itu merupakan salah satu daripada tujuh resolusi yang dicapai menerusi konvensyen

dua hari tersebut.

Jamil Khir menambah, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak akan memberi perhatian yang tinggi terhadap penubuhan institut tersebut dan pengumuman mengenai juga akan dibuat secara khusus nanti.

Sementara itu, beliau berkata, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) akan sentiasa bekerja sama dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi memantau pergerakan rangkaian kumpulan pengganas Jamaah Islamiah (JI) di negara ini.

Katanya, pihaknya akan sentiasa memantau pergerakan yang boleh merosakkan keharmonian negara ini.